

KERATAN AKHBAR



| | | |
|-------------|---|------------------|
| AKHBAR | : | SINAR HARIAN |
| TARIKH | : | 30/9/2019 |
| JABATAN | : | PTG |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN |

Lombong bijih besi haram diserbu

Sita 11 jentera pelbagai guna milik sebuah syarikat

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Jabatan Perhutanan Pahang dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) berjaya mengesan lombong bijih besi yang beroperasi secara haram di Hutan Simpan Iban, Rompin dua hari lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yusin berkata, dalam operasi itu pihaknya menyita 11 jentera pelbagai guna yang dipercayai milik sebuah syarikat yang meniatkan aktiviti perlombongan haram itu.

"Kita telah merampas jentera berat iaitu dua mesin pengisar batu, empat lori pengangkut dan lima jengkaut. Selain itu, dua motosikal dan masing-masing satu pacuan empat roda dan kereta Proton Wira yang digunakan untuk aktiviti perlombongan

secara haram juga dirampas.

"Jentera berat yang disita akan disimpan di pusat penyimpanan di Ladang Kemasul, Mentakab dan

Kuantan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd Hizamri berkata, lokasi perlombongan haram itu dikesan kira-kira 15 kilometer dari Iban ketika

melalui jalan tanah merah dan ketika operasi serbuan dilakukan aktiviti mengorek batu bukit sedang rancak dilakukan.

Katanya, terdapat beberapa individu yang juga pemandu lori dan jengkaut melarikan diri ke kawasan hutan dan gagal dikesan selepas mereka menyedari kehadiran pihak berkuasa.

"Kita berjaya menahan seorang lelaki berusia 50 tahun dipercayai pengurus syarikat lombong.

"Lelaki itu akan disiasat dan akan dikenakan tindakan undang-undang kerana kesalahan berada dalam Hutan Simpan Iban tanpa permit," katanya.

Menurutnya, menerusi operasi bersepadu sahaja dapat melumpuhkan semua aktiviti perlombongan bijih besi yang begitu terkenal di daerah itu.

"Operasi yang sama sebelum ini turut diadakan di Raub dan Lipis yang terkenal dengan lombong emas," katanya.



MOHD HIZAMRI



FOTO: IHSAN JABATAN PERHUTANAN PAHANG

Lombong bijih besi yang dikesan beroperasi secara haram di Hutan Simpan Iban, Rompin.